

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

ZCT 531/4 - Anatomi dan Fisiologi Manusia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab KESEMUA LIMA soalan.

Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Tuliskan nota ringkas tentang
 - (i) . Sel-sel dalam sistem saraf. (30 markah)
 - (ii) Bagaimana tulang manusia dibentuk. (35 markah)
- (b) Terangkan peredaran darah di dalam rongga toraks dan namakan saluran darah utama. (35 markah)
2. (a) Selama 4 bulan En. Ali telah mengalami perasaan makanan 'melekat' selepas makan. Beliau menunjuk kepada bahagian tengah dada apabila ditanya di mana makanan itu melekat. Selepas 'penelanan barium' (barium swallow) dan 'oesophagoscopy' (dokter tidak dapat melakukan 'gastroskopi') doktor telah membuat kesimpulan bahawa En. Ali mengalami kanser 'oesophagus'. Telah diputuskan bahawa pembedahan dan radio-terapi ke atas En. Ali harus dilakukan.

Berbantuan suatu lakaran, terangkan anatomi bahagian badan yang akan disinari dengan membuat anggapan bahawa En. Ali mengalami kanser bahagian sepertiga terbawah 'oesophagus'. (50 markah)
- (b) Berbantuan lakaran yang sesuai tuliskan nota ringkas tentang anatomi
 - (i) mata manusia. (25 markah)
 - (ii) sistem urinari (tanpa saluran darah). (25 markah)

...2/-

3. (a) Bincangkan cara hormon paratiroid, kalsitonin, dan 1,25-dihidroksikolekalsiferol mengawalatur paras kalsium di dalam plasma. (25 markah)
- (b) Nyatakan semua hormon yang dirembeskan dari adenohipofisis. Di samping itu, bincangkan pengaruh hipotalamus terhadap perembesan hormon pertumbuhan dari sel adenohipofisis. (25 markah)
- (c) Bincangkan suatu kitar haid. (25 markah)
- (d) Bincangkan peringkat-peringkat proses spermatogenesis dan oogenesis. (25 markah)
4. (a) Seorang pesakit didapati bertekanan darah 180/110. Apakah maksud nilai-nilai ini? Apakah faktor-faktor yang boleh menyebabkan tekanan darah mencapai nilai-nilai tersebut? (50 markah)
- (b) Huraikan tentang pelbagai enzim yang membantu proses pencernaan dan penyerapan makanan di sepanjang trek gastro-usus. (25 markah)
- (c) Bincangkan proses pembentukan air kencing. (25 markah)
5. (a) Limfosit merupakan suatu sel efektor sistem imun yang utama. Bincangkan pernyataan ini. (25 markah)
- (b) Bincangkan pengangkutan karbon dioksida dan oksigen dari paru-paru ke tisu. (50 markah)
- (c) Tuliskan nota ringkas tentang potensial tindakan. (25 markah)